

KATA PANGGILAN MASYARAKAT BAJAU TUARAN (GREETING WORDS IN BAJAU TUARAN SOCIETY)

MUNA AFIFAH MOHD ZULKEPLI*, JAMA'YAH ZAKARIA DAN NOR AZUWAN YAAKOB

Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor.

*Corresponding author: munafifah_83@yahoo.com

Abstrak: Kajian ini merupakan satu perbincangan tentang sistem panggilan dalam masyarakat Bajau Tuaran. Makalah ini bertujukan kepada dua objektif utama. Pertama, mengkaji bentuk panggilan yang digunakan dalam masyarakat yang dikaji mengikut kelompok keluarga asas, pertalian perkahwinan serta gelaran yang terdapat dalam masyarakat. Manakala objektif kedua pula adalah untuk menjelaskan faktor yang mempengaruhi pemilihan bentuk panggilan dalam sistem panggilan masyarakat yang dikaji iaitu berdasarkan perbezaan umur, jantina dan pangkat atau status. Data diperolehi melalui temubual separa berstruktur yang dilakukan terhadap 30 orang informan yang berumur dalam lingkungan 16 hingga 80 tahun di Kampung Mengkabong, Tuaran, Sabah. Hasil kajian mendapati sistem panggilan masyarakat Bajau adalah sama dengan masyarakat Melayu cuma yang membezakannya ialah dari segi istilah yang digunakan iaitu dialek sukuan Bajau. Kajian ini diharap dapat memberi manfaat kepada semua pihak terutamanya masyarakat Bajau dalam mempraktikkan kata panggilan ini dalam kehidupan seharian dan seterusnya melestarikan khazanah kata panggilan masyarakat sukuan Bajau agar tidak luput ditelan arus pemodenan.

Kata kunci : Kata sapaan, bentuk panggilan, faktor pemilihan, kekerabatan, temubual separa berstruktur.

Abstract: This paper is mainly discussing on the greeting system in the Bajau Tuaran society. With two objectives; to explore the greeting names used amongst the community according to the groups of basic family, marital relationship also titles in the community and two, to explain factors affecting choices of caller names in the greeting system based on age differences, gender and status or rank. Data obtained by semi-structural interview towards 30 informants aged between 16 till 80 years old in Kampung Mengkabong, Tuaran, Sabah. Results shows that the greeting system used amongst the Bajau Tuaran community is similar to the Malay community with the difference from the aspect of term used which originated by the Bajau society. It is hope that this research will bring benefits especially to the Bajau society in practicing the greeting words in their daily life in hopes that this system will not disappear and dissolve in this modernization era.

Keywords: Greeting words, caller forms, selective factor, kinship, semi-structural interview.

Pengenalan

Apabila manusia bertutur antara satu sama lain, mereka bukan sahaja terlibat dalam proses memahami fikiran serta perasaan masing-masing tetapi juga dalam usaha menggunakan bahasa secara halus untuk menentukan jenis perhubungan antara satu sama lain, menilai diri dan status masing-masing dalam sesebuah kumpulan sosial, dan memperlihatkan jarak sosial antara mereka.

Salah satu cara yang signifikan untuk memperlihatkan situasi jarak sosial, sama ada rapat atau pun sebaliknya, adalah melalui penggunaan "bentuk panggilan" atau sapaan. Bentuk panggilan atau sapaan secara umumnya adalah perkataan atau frasa yang digunakan untuk merujuk atau memberikan nama kepada

seseorang atau pihak itu secara langsung, yakni semasa berinteraksi dengannya, sama ada dalam komunikasi lisan ataupun tulisan (Amat Juhari Moin, 1987).

Sistem panggilan atau sapaan merupakan ciri yang universal yang dimiliki oleh semua masyarakat. Penggunaan sistem sapaan yang teratur dan tepat dalam perbualan akan menggambarkan kedudukan atau status individu tersebut. Dalam masyarakat Melayu misalnya, terdapat satu bentuk sistem sapaan yang digunakan untuk menegur sapa anggota masyarakatnya. Perkara ini telah dinyatakan oleh Amat Juhari Moin (1989). Menurutnya, sistem sapaan didapati dalam hubungan antara anggota-anggota dalam lingkungan keluarga, kaum kerabat, persanakan dan seterusnya dalam hubungan dengan masyarakat yang lebih besar.

Setiap masyarakat mempunyai beberapa bentuk panggilan. Ini disebabkan oleh perangai manusia dalam setiap masyarakat tertakluk kepada peraturan hidup yang tertentu, seperti adat resam, mores dan syarat untuk berinteraksi sesama sendiri, yang dipelajari oleh individu dalam proses membesar dalam masyarakat masing-masing (Grayson, 1997).

Masyarakat Bajau di Sabah khususnya di daerah Tuaran mempunyai sistem panggilan yang hampir sama seperti dalam bahasa Melayu baku dari segi makna perkataan. Hanya yang membezakan kedua-dua sistem panggilan adalah dari segi penggunaan istilah dan sebutan terutamanya dalam beberapa kata ganti nama diri pertama dan kedua. Perbezaan ini berlaku kerana bahasa atau dialek yang digunakan adalah berbeza. Masyarakat Bajau menggunakan bahasa Bajau ataupun Sinamah (Mohd Nor Long, 1982). Perbezaan juga terdapat dalam subdialek Bajau sendiri, seperti subdialek yang dituturkan masyarakat Bajau di Pantai Barat yang menetap di sekitar Putatan, Tuaran, Kota Belud dan Papar agak berbeza dengan masyarakat Bajau di Pantai Timur yang menetap di sekitar Kudat, Sandakan, Lahad Datu, Kunak, Semporna dan Tawau.

Perbezaan antara subdialek ini dapat dilihat dari segi perkataan, sebutan dan maksud sesuatu perkataan. Hal ini berlaku kerana subdialek ini telah dipengaruhi oleh dialek setempat yang lain seperti Bugis, Filipina dan Brunei di samping dipengaruhi oleh faktor geografi. Namun begitu, sistem panggilan yang digunakan dalam dialek Bajau secara keseluruhannya adalah sama terutama dari segi penggunaan perkataan dan maksud (Yap Beng Liang, 1993).

Permasalahan Panggilan Status dalam Masyarakat Bajau

Penelitian terhadap kajian bahasa Melayu dari sudut sistem panggilan bagi masyarakat sukuan Bajau kurang mendapat perhatian dalam kalangan pengkaji bahasa. Kajian mengenai suku kaum Bajau sebelum ini hanya tertumpu terhadap pengkajian tentang dialek dan budaya sukuan masyarakat Bajau seperti kajian yang

dilakukan oleh Abdul Halim Bandan (1999), Mohd Yassin Isa (1987), Yap Beng Liang (1993), Diah Balimbang (1988), Rasidan Abd. Latif (1996), Ismail Ali (2007), Saidatul Normis (2010) dan lain-lain lagi. Ini menunjukkan bahawa terdapat kekurangan pengkaji untuk mengkaji sistem panggilan masyarakat sukuan Bajau khususnya di daerah Tuaran, Sabah.

Masyarakat Bajau khususnya di daerah Tuaran merupakan masyarakat yang bijak memilih kata-kata semasa bertutur. Hal ini juga berlaku dalam masyarakat Melayu secara keseluruhannya. Bagi masyarakat Melayu, seboleh-bolehnya mereka akan mengawal tutur kata untuk mengelakkan orang yang dilawan bertutur atau bercakap berasa kecil hati atau tersinggung. Pelbagai bentuk kata sering digunakan untuk menyapa berdasarkan konteks, situasi dan tujuan sesuatu ujaran itu dilafazkan (Nor Hashimah Jalaludin *et al.*, 2005).

Penggunaan kata-kata yang kasar atau kurang sopan ketika menyapa seseorang akan dianggap kurang ajar. Oleh itu, sistem panggilan yang mempunyai peraturan tertentu telah diwujudkan bagi mengawal norma masyarakat Melayu. Melalui sistem panggilan, masyarakat Melayu, dalam konteks kajian ini masyarakat Bajau dapat mengawal tutur kata mereka dengan menggunakan beberapa bentuk panggilan yang sedia ada (Nor Hashimah Jalaludin *et al.*, 2005).

Pemilihan bentuk panggilan yang sesuai dalam masyarakat adalah penting. Pemilihan bentuk panggilan mestilah dapat menggambarkan kedudukan atau status seseorang. Adakalanya bentuk panggilan ini digunakan untuk menghormati atau memuliakan seseorang. Oleh itu, adalah penting bagi kita mengenal pasti faktor yang mempengaruhi pemilihan bentuk panggilan.

Oleh itu, makalah ini akan mengenal pasti sistem panggilan masyarakat Bajau Tuaran dan akan mengupas faktor yang mempengaruhi pemilihan bentuk panggilan yang terdapat dalam masyarakat tersebut.

Sorotan Sistem Panggilan Masyarakat

Terdapat ramai pengkaji yang telah membuat kajian mengenai “sistem panggilan”. Namun, bagi kajian sistem panggilan secara terperinci dalam masyarakat Bajau masih kurang mendapat perhatian dalam kalangan pengkaji.

Menurut Noor Azlina Abdullah (1975), didapati ada sejumlah nama panggilan kekeluargaan yang digunakan secara langsung dalam panggilan dalam kalangan keturunan dan dalam kalangan yang bukan mempunyai perhubungan genealogi. Malah, setiap nama panggilan kekeluargaan dalam bahasa Melayu akan menentukan generasi sanak saudara atau orang yang dirujuk dengan jelas. Ini bererti terdapat banyak nama panggilan kekeluargaan dalam bahasa Melayu yang digunakan sebagai kata ganti nama.

Selain itu, Ahmad Juhari Moain (1989) menyatakan bahawa bentuk panggilan atau sapaan adalah merujuk seseorang sama ada menggunakan kata ganti nama atau pun gelaran. Ia juga digunakan dalam majlis rasmi mahupun dalam suasana yang tidak formal, sama ada secara lisan atau dalam bentuk tulisan. Menurut beliau lagi, sistem sapaan atau panggilan terdapat dalam hubungan antara anggota-anggota dalam lingkungan keluarga, kaum kerabat, persanakan dan seterusnya dalam hubungan dengan masyarakat yang lebih besar. Ini termasuklah hubungan antara orang yang bergelar menerusi perwarisan atau keturunan, dan juga orang yang bergelar melalui pengurniaan atau penganugerahan daripada raja atau pembesar negeri atau lazimnya. Sapaan atau panggilan ini adalah berdasarkan kepada sistem tertentu serta mengikut urutan tertentu iaitu, dari segi hubungan persaudaraan dan pertalian darah, usia, kedudukan dan pangkat, gelaran yang disandang, kuasa dan kewibawaan yang dimiliki serta jawatan yang dipegang dan rujukan kehormat.

Sumalee Nimmanupap (1994), penggunaan nama panggilan kekeluargaan menunjukkan tanda hormat dan keintiman seseorang dengan orang yang dilawan bercakap seperti juga yang terdapat dalam bahasa lain di rantau

Asia. Selain itu, menurutnya lagi gelaran tidak kurang pentingnya dalam masyarakat kerana masyarakat mementingkan perbezaan pangkat atau kedudukan. Malah menurutnya seseorang itu dianggap tidak sopan jika orang yang bergelar tidak dirujuk dengan gelarannya. Namun begitu, gelaran boleh digantikan dengan nama peribadi, kata ganti nama diri kedua atau nama panggilan kekeluargaan yang turut disertai dengan gelaran. Bentuk ini juga boleh digabungkan dengan gelaran jenis lain atau digunakan secara bersendirian.

Seorang pengkaji barat iaitu, Elizabeth P. Wittermans (1967) telah mengkaji aspek sistem panggilan dalam bahasa Indonesia. Bentuk panggilan dalam bahasa Indonesia terdiri daripada ganti nama diri kedua, nama panggilan kekeluargaan dan gelaran. Berdasarkan kajiannya, ganti nama tunggal diri kedua seperti saudara bagi lelaki dan saudari bagi perempuan digunakan untuk orang yang tidak dikenali nama dan pangkatnya atau orang yang mempunyai kedudukan atau umur yang lebih kurang sama dengan orang yang menyapa. Panggilan ‘anda’ digunakan untuk orang yang sebaya umur dan dihormati juga mempunyai hubungan mesra. Panggilan ‘kamu’ dan ‘engkau’ pula tidak boleh digunakan dalam lingkungan hormat, tetapi boleh digunakan dalam perbualan mesra.

Norizan Che Su (2006) dalam disertasi sarjananya telah memilih masyarakat Melayu Pattani di Thailand bagi menghasilkan profil kata sapaan bahasa Melayu Pattani, mengumpul kata sapaan bahasa Melayu asli berdasarkan status, dan kata sapaan kekeluargaan masyarakat Melayu Pattani di kawasan bandar dan di luar bandar. Hasil kajian ini mendapati bahawa kata sapaan yang digunakan untuk merujuk pekerjaan seseorang dipengaruhi bahasa Thai, terutama di kawasan bandar, iaitu di Jabang Tiko.

Seorang lagi pengkaji iaitu Sawan@ Mohammad Syawal Narawi (2013) dalam disertasi Doktor Falsafahnya telah melakukan kajian kata panggilan dalam masyarakat Kelabit. Hasil kajian ini mendapati bahawa kata panggilan Kelabit berkaitan rapat dengan nilai sosiobudaya masyarakat Kelabit. Di samping

itu, ia ditentukan oleh usia dan penggunaannya bergantung kepada keadaan, suasana serta pangkat orang yang disapa. Penggunaan kata panggilan Kelabit yang betul menggambarkan masyarakat Kelabit mempunyai nilai adab dan kesopanan dalam memanggil seseorang.

Metodologi Kajian

Rekabentuk kajian yang dijalankan adalah berbentuk deskriptif. Dalam menghasilkan penulisan makalah ini, kaedah kajian lapangan digunakan dengan menggunakan kaedah temubual separa berstruktur. Temubual terhadap 30 orang informan daripada penduduk Kampung Mengkabong, Tuaran yang berumur dalam lingkungan 16 hingga 80 tahun telah dipilih secara rawak. Sebanyak 10 soalan telah disediakan oleh pengkaji dan diajukan kepada para informan. Informan digalakkan memberi jawapan balas secara bebas dan soalan-soalan lanjutan dirangka mengikut keperluan semasa. Maklumat-maklumat sampingan yang dirasakan sesuai juga akan ditambah oleh informan mengikut kesesuaian. Selain itu, pengkaji turut menggunakan kaedah melalui rujukan bahan sekunder iaitu buku, jurnal dan bahan bercetak lain untuk memperoleh maklumat tentang konsep dan bentuk-bentuk panggilan.

Hasil Kajian dan Perbincangan

Dalam masyarakat Bajau Tuaran terdapat tiga bentuk sapaan yang digunakan, iaitu bentuk sapaan dalam keluarga asas, bentuk sapaan kaum kerabat daripada perkahwinan dan bentuk sapaan di luar kekerabatan.

Bentuk Sapaan dalam Keluarga Asas

Dalam masyarakat Bajau, keluarga asas pada lazimnya terdiri daripada ibu, bapa dan anak-anak. Dalam sistem kekeluargaan asas, wujud hubungan sosial yang menentukan pemilih kata sapaan antara suami dengan isteri, dan ibu bapa dengan anak-anak. Kata sapaan yang dipilih hendaklah sesuai dengan peranan, kedudukan dan umur dalam keluarga. Ibu bapa merupakan generasi atas yang mempunyai kedudukan yang lebih tinggi daripada anak-anak yang menjadi

anggota generasi bawah. Dalam generasi yang sama, misalnya anak-anak terdapat juga perbezaan pangkat mengikut susunan kelahiran atau umur mereka bagi melambangkan pertalian kekeluargaan. Di Kampung Mengkabong, bentuk sapaan atau panggilan yang digunakan untuk melambangkan pertalian kekeluargaan adalah seperti yang berikut:

Jadual 1: Bentuk Sapaan/panggilan untuk Melambangkan Pertalian Kekeluargaan

Bentuk Sapaan/ Panggilan	Makna Umum
<i>Sioko</i>	Anak sulung
<i>Siyari</i>	Anak bongsu
<i>Kaq</i>	Abang
<i>Kaq</i>	Kakak
<i>Dik</i>	Adik lelaki
<i>Dik</i>	Adik perempuan

Dalam masyarakat Bajau, tiada istilah khas untuk anak kedua, ketiga, keempat dan seterusnya seperti yang terdapat dalam masyarakat Melayu dan suku kaum lain yang mempunyai istilah khusus untuk sapaan tersebut. Kata sapaan untuk anak kedua dan seterusnya hanya disebut dengan menggunakan nombor sahaja seperti anak nombor duwo (anak ke-2), anak nombor telu (anak ke-3) dan seterusnya. Menurut informan, penggunaan sistem nombor lebih mudah disebut serta kelihatan lebih ringkas.

Pembahagian bentuk sapaan kekeluargaan ini biasanya dibuat berdasarkan pembahagian generasi. Istilah lazim dalam keluarga asas Tuaran, khususnya Kampung Mengkabong adalah seperti dalam Jadual 2:

Jadual 2: Istilah Lazim dalam Keluarga Asas

Ahli Keluarga	Istilah Menyata	Istilah Menyapa
<i>Bapa</i>	Bapa	<i>Maq</i>
<i>Emak</i>	Emak	<i>Iyang</i>
<i>Saudara kandung lelaki lebih tua</i>	Abang	<i>Kaq + nama</i>
<i>Saudara kandung perempuan lebih tua</i>	Kakak	<i>Kaq + nama</i>
<i>Saudara kandung lelaki dan perempuan lebih muda</i>	Adik	<i>Dik</i>

Dalam masyarakat Bajau di Tuaran khususnya di Kampung Mengkabong, bentuk sapaan pertalian perkahwinan yang digunakan ialah dapu', mento, bayau, langu', biras, pementon dan ayuwan/iwan.

Jadual 3: Bentuk Sapaan Pertalian Perkahwinan

Bentuk Sapaan/Panggilan	Makna Umum
<i>Dapuq</i>	Besan (hubungan antara kedua-dua ibu bapa pasangan yang telah berkahwin)
<i>Biras</i>	Biras (suami atau isteri kepada ipar)
<i>Bayau</i>	Ipar lelaki
<i>Langu'</i>	Ipar perempuan
<i>Mento</i>	Ibu bapa kepada suami/isteri
<i>Ayuwan/iwan</i>	Menantu (suami atau isteri kepada anak yang berkahwin)
<i>Pementon</i>	Saudara mara kepada mertua
<i>Anak buwa</i>	Dalam masyarakat Melayu, ia disebut sebagai anak saudara/ anak buah
<i>Kaki</i>	Dalam masyarakat Melayu disebut sebagai sepupu
<i>Kaki menduwo</i>	Dalam masyarakat Melayu disebut sebagai dua pupu

Bentuk Sapaan berdasarkan Gelaran

Menurut Noor Azlina (1975), gelaran adalah berbeza daripada bentuk sapaan atau panggilan dan rujukan dari segi sifat mutlaknya. Gelaran biasanya digunakan dalam keadaan rasmi dan tidak rasmi. Dalam keadaan rasmi, penggunaan gelaran menunjukkan orang yang disapa itu adalah berpengaruh dan berkedudukan tinggi. Gelaran dalam masyarakat Tuaran terdiri daripada :

(i) *Gelaran Sosial*

Dalam masyarakat Bajau Tuaran, terdapat gelaran sosial yang digunakan secara umum dalam penggunaan seharian terutamanya apabila berurusan dengan pihak lain yang tidak dikenali, iaitu encik, cik, dan puan.

(ii) *Gelaran Kurniaan Iktisas*

Gelaran ini dibahagikan kepada tiga golongan, iaitu gelaran akademik, gelaran pekerjaan, dan gelaran keagamaan. Contoh gelaran akademik adalah seperti Profesor dan Doktor. Namun begitu, dalam masyarakat Tuaran, gelaran ini jarang digunakan kerana masyarakat di sini lebih senang menggunakan kata sapaan 'encik' dan 'tuan'. Gelaran pekerjaan yang terdapat dalam masyarakat Bajau Tuaran adalah seperti cikgu, doktor, inspektor dan sebagainya. Ia sama seperti dalam bahasa Melayu baku. Bagi gelaran keagamaan di Tuaran adalah seperti ustaz, ustazah, imam, bilal, khatib, kadi dan lain-lain. Namun begitu, selalunya gelaran ini tidak digunakan ketika menyapa mereka, sebaliknya gelaran hormat lain seperti cikgu, pak imam + nama, encik + nama dan sebagainya akan digunakan.

(iii) *Gelaran Warisan*

Gelaran warisan merupakan gelaran yang dipusakai dari satu generasi ke satu generasi (Amat Juhari Moain, 1989). Dalam masyarakat Bajau Tuaran, Soto adalah gelaran warisan yang digunakan bagi perempuan manakala bagi lelaki pula ialah Situq ataupun Tuq. Gelaran ini diberikan kepada keturunan ketua atau penghulu kampung yang kemudian diwarisi oleh anak-anaknya. Walau bagaimanapun, gelaran warisan ini sudah tidak diamalkan pada masa kini kerana kebanyakan orang Bajau Tuaran sudah terdedah dengan nama seperti kebanyakan orang Melayu contohnya Muhammad bagi lelaki dan Nur atau Nurul bagi perempuan.

Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pemilihan Bentuk Panggilan

Dalam masyarakat Tuaran khususnya di Kampung Mengkabong, terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi pemilihan bentuk panggilan, iaitu perbezaan umur, perbezaan jantina dan perbezaan status atau pangkat.

Perbezaan Umur

Umur adalah satu dimensi utama bagi pengkategorian sosial. Dalam masyarakat Bajau Tuaran, perbezaan umur ditakrifkan sebagai perbezaan dari segi taraf atau kedudukan seseorang dalam keluarga, walaupun perbezaan umur hanya beberapa minit sahaja. Contohnya, adik beradik kembar, sesiapa yang lahir terlebih dahulu akan dianggap sebagai lebih tua dan mesti dipanggil abang bagi lelaki dan kakak bagi perempuan.

Masyarakat Bajau Tuaran tidak menyediakan bentuk sapaan yang khas bagi setiap peringkat umur adik beradik dalam sebuah keluarga asas. Mereka hanya menggunakan panggilan kaq bagi abang dan kakak diikuti dengan nama. Sebagai contoh kaq Atai untuk lelaki dan kaq Seha untuk perempuan. Sekiranya mereka berada dalam lingkungan sepupu, mereka tetap juga menggunakan panggilan seperti yang disapa oleh adik beradik kandung.

Perbezaan Jantina

Menurut Abdullah Hassan (1996), bentuk sapaan yang digunakan bagi orang yang berlainan jantina adalah berbeza mengikut statusnya. Dalam masyarakat Bajau Tuaran, terdapat beberapa bentuk sapaan yang digunakan untuk memperlihatkan perbezaan jantina, antaranya ialah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.

Jadual 4: Perbezaan Bentuk Sapaan Mengikut Jantina

Lelaki (<i>dela</i>)	Perempuan (<i>dendo</i>)
<i>Datuk</i>	Nenek
<i>Bapa, Maq, Ayah, Bapak, Pak</i>	Emak, Iyang, Ibu, Mak
<i>Suami</i>	Isteri
<i>Abang</i>	Kakak
<i>Pakcik</i>	Makcik
<i>Tuan</i>	Puan
<i>Encik</i>	Cik

Perbezaan Pangkat atau Status

Perbezaan pangkat atau status boleh membezakan bentuk sapaan. Di Tuaran,

perbezaan status dan pangkat ini terdapat dalam beberapa kategori iaitu:

- (i) Pangkat dalam keluarga
- (ii) Pangkat dalam pekerjaan

Pangkat dalam keluarga tidak berdasarkan umur, tetapi berdasarkan urutan kedudukan seseorang dalam salasilah keluarga. Umpamanya adik beradik ayah atau ibu yang lebih muda umurnya, bentuk sapaan yang akan digunakan mestilah sama seperti panggilan yang disapa terhadap adik beradik ayah dan ibu yang lebih tua. Bentuk sapaan yang akan digunakan untuk lelaki adalah paq diikuti nama dan bagi perempuan adalah buq diikuti nama yang disapa. Contohnya paq Ibnu bagi lelaki dan buq Ika bagi perempuan.

Hasil kajian daripada maklumat yang diperoleh melalui informan mendapati pangkat dalam pekerjaan bagi masyarakat Bajau dapat dibahagikan kepada dua, iaitu pangkat dalam jawatan pasukan keselamatan dan pangkat dalam hierarki jawatan awam. Pangkat dalam jawatan pasukan keselamatan diatur mengikut hierarki pangkat seperti Lans Koperal, Koperal, Sarjan, Sarjan Mejar, Leftenan, Kapten, Mejar dan seterusnya. Pangkat yang tidak ditauliahkan dalam pasukan keselamatan akan disapa sebagai encik, dan pangkat yang ditauliahkan akan disapa sebagai Tuan. Namun dalam masyarakat Tuaran, bentuk sapaan dalam keadaan rasmi adalah sama seperti dalam Melayu baku, tetapi dalam keadaan tidak rasmi anggota keselamatan akan disapa sebagai encik sahaja tanpa mengira pangkat. Bagi pangkat dalam jawatan awam pula, kebanyakan daripada mereka disapa dengan panggilan tuan tidak kira mereka berjawatan tinggi atau rendah asalkan mereka berada dalam sektor awam manakala bagi guru mereka selesa disapa dengan panggilan cikgu sahaja walaupun berjawatan pengetua mahupun guru besar.

Kesimpulan

Hasil kajian mendapati bahawa sistem sapaan masyarakat Bajau Tuaran adalah hampir sama dengan sistem sapaan bahasa Melayu

baku. Namun begitu, antara kedua-dua sistem sapaan ini terdapat beberapa perbezaan dari segi penggunaan istilah untuk menggambarkan pertalian kekeluargaan dalam keluarga asas. Dapat dirumuskan bahawa informan mempunyai pengetahuan dan pemahaman yang cukup untuk melakukan sapaan dengan baik dan bersantun serta mengetahui fungsi setiap kata panggilan. Namun, hasil kajian ini tidak boleh digunakan bagi menggambarkan masyarakat Bajau keseluruhannya kerana dialek sukuan Bajau itu sendiri adalah berlainan mengikut kawasan atau daerah. Oleh itu, dicadangkan agar kajian yang lebih terperinci lagi dapat dilakukan terhadap keseluruhan komuniti masyarakat sukuan Bajau mengenai sistem panggilan mereka. Selain itu, populasi kajian juga perlu diperluas dan tidak dihadkan kepada sebuah kampung atau kawasan sahaja demi mendapatkan bentuk sistem panggilan yang boleh melambangkan masyarakat sukuan Bajau secara keseluruhan. Akhir sekali, diharap aspek panggilan masyarakat Bajau ini perlu didokumentasikan dan dibukukan bagi memelihara warisan dan jati diri sukuan Bajau. Sistem panggilan masyarakat Bajau ini belum pernah dibukukan setakat ini menyebabkan aspek panggilan ini hampir dilupakan oleh masyarakat Bajau itu sendiri.

Rujukan

- Amat Juhari Moain. (1987). Sistem Sapaan dalam Bahasa Melayu: Suatu Analisis Sosiolinguistik. *Jurnal Dewan Bahasa*, 37(8): 717-721.
- Amat Juhari Moain. (1993). *Pengayaan Bahasa Melalui Proses Peminjaman dan Penyerupaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Datu Bandira Datu Alang. (2004). *Suku Kaum Bajau. Warisan Budaya Sabah: Etnisiti dan Masyarakat*. Pusat Penataran Ilmu & Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, 118-138.
- Elizabeth P. Wittermans. (1967). Indonesian Terms of Address in a Situation of Rapid Social Change. *Oxford Journal*, 46(1): 48-51.
- Haji Buyong. (1989). Kaedah Penyapaan dalam Bahasa Melayu dengan Beberapa Contoh Khusus daripada Dialek Melayu Sarawak. Serdang: Pusat Islam, Universiti Putra Malaysia.
- Saidatul Normis Mahali. (2001). Sistem Panggilan Kekerabatan Bahasa Bajau, Bahasa Iranun dan Bahasa Melayu: Satu Perbandingan Awal. *Jurnal Warisan Budaya Sabah: Etnisiti dan Masyarakat*, Pusat Penataran Ilmu & Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, 119-123.
- Sumalee Nimmanupap. (1994). *Sistem Panggilan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Thai*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Media Sandra Kasih. (2000). *Sistem Sapaan dalam Bahasa Minangkabau: Suatu Tinjauan Sosiolinguistik*. Tesis PhD, Univesiti Putra Malaysia.
- Sharipah Hasiah Wan Bujang. (2000). *Sistem Sapaan dalam Masyarakat Melayu Kota Samarahan, Sarawak*. Tesis Sarjana, Universiti Putra Malaysia.
- Noor Azlina Abdullah. (1975). *Decisions and Variability: The Usage of Pronouns, Terms of Address and Languages from West Malaysia*. M.A. Dissertation, University of Lancaster.
- Norizan Che Su. (2006). *Kata Sapaan Bahasa Melayu Pattani di Thailand*. Tesis Sarjana, Universiti Putra Malaysia.
- Rash, F. (2004). *Linguistic Politeness and Greeting Rituals in German-Speaking Switzerland*. *Linguistic Online* 20:3. Capaian 10 April 2009.
- Yap Beng Liang. (1993). *Orang Bajau Pulau Omdal: Aspek-aspek Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaiton Ajamain. (1992). Sistem Panggilan dan Sapaan dalam Karya Kreatif di Sabah. *Jurnal Dewan Bahasa*, 34(2): 12-20.